

Jenayah siber ancam ekonomi

Sejumlah RM399 juta kerugian dilaporkan setakat September 2019

SHAH ALAM

Nilai kerugian sehingga ratusan juta ringgit membabitkan kes jenayah siber menjadi ancaman besar terhadap ekonomi Malaysia.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) IPK Selangor, Asisten Komisioner Fazlisyam Abd Majid berkata, sehingga September ini, sejumlah RM392 juta kerugian dialami mangsa jenayah siber melibatkan empat penipuan utama iaitu *love scam*, pinjaman tidak wujud, panggilan telefon dan pembelian dalam talian.

Menurutnya, jumlah itu adalah hasil laporan yang dibuat mangsa dan beliau percaya lebih banyak kerugian berlaku kerana terdapat banyak kes yang mungkin tidak dilaporkan.



Dari kiri: Dr Noor Nirwandy, Fazlisyam, Megat Muazzam dan Dr Siti Norul Huda pada program di Shah Alam malam kelmarin.



"Penipuan Macau scam (panggilan telefon) yang turut membabitkan sindiket antarabangsa mencatatkan jumlah kerugian paling besar apabila sehingga September, sejumlah RM178 kerugian dilaporkan.

"Bagi e-dagang (pembelian dalam talian) sejumlah RM117 juta kerugian bagi tempoh sama. Manakala kes *love scam* dan pinjaman tak wujud masing-masing merekodkan

kerugian sebanyak RM62.9 juta dan RM34 juta.

"Jadi ke mana duit-duit ini pergi? Dalam keadaan ekonomi tidak menentu dan dengan ketirisan itu membuatkan ekonomi bertambah buruk," katanya pada Wacana Sinar Siri 140 bertajuk Keselamatan Siber: Bagaimana Mempertahankan Diri di Dewan Karangkrak di sini kelmarin.

Wacana ini turut menampilkan Pengerusi Pusat Keselamatan Siber, Universiti Kebangsaan Ma-

Jenis penipuan dan kerugian:

- Love scam (RM62.9 juta)
- Pinjaman tidak wujud (RM34 juta)
- Panggilan telefon/Macau scam (RM178 juta)
- Melalui pembelian (RM117 juta)

laysia (UKM) Prof Madya Dr Siti Norul Huda Sheikh Abdullah dan Ketua Jabatan Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT), Cyber Security Malaysia, Megat Muazzam Abdul Mutalib.

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noor bertindak selaku moderator.

Sementara itu, Fazlisyam berkata, fenomena 'keldai akaun' membolehkan jenayah itu menjadi tempat pemindahan wang diberikan mangsa juga menyebabkan kegiatan jenayah siber masih berterusan.

Mangsa diumpam dengan ganjaran lumayan

SHAH ALAM - Para pelayar internet atau masyarakat disarankan mengambil beberapa langkah untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan siber.

Pengerusi Pusat Keselamatan Siber, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Siti Norul Huda Sheikh Abdullah berkata, masyarakat kini sering terpedaya dan tidak dapat mengawal emosi mereka apabila ditawarkan dengan sesuatu ganjaran atau ketika menerima ugutan yang seterusnya akan memberikan respon mereka.

"Apabila ada reward dan ugutan, ada dua benda iaitu masyarakat kita tidak berapa boleh mengawal emosi apabila dia menerima dua jenis e-mel itu.

"Mendapat hadiah yang menarik dan sebagainya dia (akan) membalas dan rela memberi maklumat diri mereka kepada pihak ketiga tersebut.

"Perkara itu (telah) kita uji pada peringkat umur lebih 20-an sehingga peringkat umur 60-an. Bayangkan bagaimana (respons) kanak-kanak dengan membuat ujian yang sama," katanya.

Selain golongan dewasa, beliau menyifatkan golongan kanak-kanak tu-

rut terdedah dengan penipuan sekiranya kedua ibu bapa mereka tidak mempunyai pengetahuan dalam menangani perkara itu. "Sekiranya ibu bapa tidak selamat masakan ahli keluarga akan selamat apatah lagi anak-anak. Kita dapati masyarakat kita ini kurang mencari atau mendengar ceramah yang menceritakan tentang kesalahan kesalahan dan penipuan penipuan telah dibuat.

"Mereka mungkin suka duduk dalam lingkungan mereka sahaja. Tetapi hanya melihat sesuatu yang hanya boleh memberi manfaat kepadanya sahaja," katanya.

Dr Siti Norul Huda berkata, persepsi masyarakat itu perlu diubah dan mereka perlu sentiasa menilai setiap maklumat yang diterima berdasarkan amalan maqasid syariah.

"Kenapa maqasid syariah? Kerana ia ada lima perkara iaitu agama, nyawa, keturunan, akal dan kekayaan yang perlu dipelihara. Sekiranya kelima-lima ini akan berlaku kepincangan sudah pasti ia tidak memberikan manfaat kepada diri kita.

"Jika masyarakat gagal mengenal pasti bahawa maklumat yang diberi itu boleh mengganggu lima perkara tersebut mereka tidak akan mudah tertipu," katanya.



SITI NORUL HUDA

Cyber999 terima lebih 30,000 laporan sejak 2017

SHAH ALAM - Pusat Bantuan Cyber999 (Cyber999) sebagai pusat tindak balas insiden keselamatan siber menerima lebih 30,000 laporan pelbagai jenis insiden keselamatan siber sepanjang 2017 sehingga September tahun ini.

Ketua Jabatan Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT), Cyber Security Malaysia, Megat Muazzam Abdul Mutalib berkata, Cyber999 menyediakan perkhidmatan kepada pengguna internet untuk melaporkan pelbagai jenis insiden keselamatan siber.

Menurutnya, insiden keselamatan siber adalah istilah umum yang digunakan Cyber999 untuk apa jua bentuk ancaman, gangguan atau serangan keselamatan siber yang dihadapi orang awam dan organisasi.

"Dari segi trek rekod, statistik peningkatan laporan itu (berlaku) setiap tahun dan terus meningkat.

"Pada 2017, Cyber999 menerima sebanyak 7,962 laporan manakala

pada 2018 sebanyak 10,699 laporan dan sebanyak 7,667 laporan diterima tahun ini iaitu sehingga September tahun ini.

"Pihak kami merasakan banyak lagi mangsa yang terlibat namun tidak membuat laporan dan boleh saya katakan laporan itu meningkat kerana penggunaan teknologi maklumat ketika ini adalah sangat dekat namun kita perlu berhati-hati," katanya.

Megat Muazzam menjadi antara tiga panelis program Wacana Sinar Siri 140 bertajuk Keselamatan Siber: Bagaimana Mempertahankan Diri? di Dewan Karangkrak, Seksyen 15 di sini kelmarin.



MEGAT MUAZZAM